



Rujukan: UKM.BEN 400-4/1/9

Tarikh: 15 Disember 2023

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

BANTUAN KEBAJIKAN PELAJAR PALESTIN DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

- Sukacita dimaklumkan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) melalui surat yang bertarikh 28 November 2023 bahawa atas dasar kemanusiaan, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 November 2023 memutuskan supaya pengecualian yuran pengajian bagi semester 1 dan 2 Sesi Akademik 2023/2024 diberikan kepada pelajar Palestin tanpa tajaan di semua Universiti Awam.
- Justeru itu, semua pelajar Palestin UKM termasuk UKMShape dan UKM-GSB yang masih aktif akan diberi pengecualian yuran pengajian termasuk yuran perkhidmatan bagi semester 1 dan 2 Sesi Akademik 2023/2024. Pengecualian ini tidak termasuk yuran penginapan dan denda yang dikenakan ke atas pelajar.
- Para pelajar yang telah membayar yuran pengajian semester 1 Sesi Akademik 2023/2024, pelarasan bagi bayaran ini akan dibawa ke semester 1 Sesi Akademik 2024/2025.
- Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat menyampaikan maklumat ini kepada semua pelajar Palestin dan kakitangan yang terlibat. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

UNIT TERLIBAT	NO TELEFON	EMEL
Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari	03-8911 8178	ukpbendahari@ukm.edu.my
UKMShape Datin Adlina Norliz Razali (Ketua Penolong Pendaftar)	03-8727 2116	dtnadlina@ukm.edu.my
UKM-GSB Puan Nur Syazwani Ahmad Safian (Pegawai Kewangan)	03-8921 4636	nseyazwani@ukm.edu.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia


Telefon: +603-8921 3000 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

6. Semoga bantuan yang diberikan dapat memberikan semangat dan meringankan beban kewangan pelajar Palestin dalam meneruskan pengajian masing-masing. Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,


MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN C.A(M)
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Ketua Pustakawan, UKM
 - Pejabat Penasihat Undang-Undang, UKM
 - Pengarah UKMShape (Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional)
 - Dekan UKM-Graduate School of Business (UKM-GSB)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>